

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PLG 442 - Teori-Teori Personaliti

Masa : [3 jam]

---

Jawab LIMA soalan sahaja. Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam Bahasa Malaysia.

1. Bincangkan konsep KERISAUAN (anxiety) seperti yang diutarakan oleh Sigmund Freud ATAU Carl Rogers ATAU Albert Ellis.

[20 markah]

2. Pilih EMPAT daripada konsep-konsep berikut, dan huraikan dengan contoh bagi tiap-tiap satunya:

- (a) helah bela diri Freud
- (b) Gestalt
- (c) kendiri unggul Rogers
- (d) teleologi Jung
- (e) minat bermasyarakat Adler
- (f) skrip hidup Berne
- (g) peneguhan positif Skinner

[20 markah]

3. Di dalam membantu seseorang yang mengidap fobia, Joseph Wolpe telah mendapati Penghapusan Deria Secara Bersistem (Systematic Desensitization) amat berkesan. Dengan menggunakan terapi ini, huraikan langkah-langkah yang akan anda ambil bagi mengatasi fobia lipas.

[20 markah]

...2/-

4. Pilih EMPAT daripada teknik-teknik berikut, dan huraikan apa yang anda faham mengenainya:

- (a) teknik kerusi kosong Gestalt
- (b) refleksi Carl Rogers
- (c) perkaitan bebas Freud
- (d) analisis struktur Berne
- (e) ujian projektif Freud
- (f) analisis perlakuan Berne

[20 markah]

5. Dengan menggunakan kontrak bersyarat (contingency contracting) huraikan langkah-langkah yang akan anda ambil bagi mengatasi masalah murid anda yang suka berjalan-jalan di dalam kelas, supaya dia tidak lagi berjalan-jalan di dalam kelas.

[20 markah]

6. Mengapakah Jung dan Adler memisahkan diri mereka daripada Freud? Apakah idea-idea baru yang diutarakan oleh Jung ATAU Adler?

[20 markah]

7. Pada anggapan anda teori psikoterapi manakah yang sesuai untuk masyarakat Malaysia? Jelaskan pendirian anda dengan justifikasi-justifikasi yang sewajarnya.

[20 markah]